

Semua rakyat harus beri kerjasama

Sekat budaya kurang sihat

BH 26 DEC 1987

Oleh SAODAH ELIAS

KUALA LUMPUR, **Ahad** — **Perdana Menteri** hari ini meminta semua anggota masyarakat di negara ini **bersama-sama** menentang sebarang percubaan **merosakkan** kebudayaan dan nilai **bangsa** Malaysia melalui kemasukan **kebudayaan asing** yang tidak sihat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pencerobohan fizikal **boleh difangkis** dengan tindakan pasukan keselamatan tetapi unsur penjajahan mental dan kebudayaan **sukar** untuk dibanteras.

Katanya tanggungjawab **berat** itu bukan sahaja terletak di bahu kerajaan, **artis**, seniman, budayawan dan pihak penyiaran, tetapi **juga** semua masyarakat Malaysia, terutama golongan muda.

Beliau berkata golongan belia sebagai **pendukung seni** dan **budaya kebangsaan** perlu cinta kepada budaya sendiri kerana jika mereka tidak kenal kepada seni budaya **sendiri**, maka mudahlah unsur budaya **asing** bertapak di hati mereka.

Nilai asing

Menurut Perdana Menteri kemasukan dan pengaruh kebudayaan dan nilai asing yang negatif sukar dikawal oleh satu pihak sahaja kerana ia boleh berlaku melalui pelbagai bidang seperti muzik, lagu, filem dan pelbagai bahan maklumat lain.

Sehubungan itu beliau meminta radio dan televisyen memperkuat, menyebarkan dan mempopularkan seni budaya Malaysia menerusi program dan filem bagi menanam rasa cinta dan bangga dengan seni budaya kebangsaan di hati rakyat.

“Siaran radio dan televisyen harus dapat merumus, menggembeleng dan menggambarkan seluruh kekuatan tenaga seni budaya kita, lama dan baru, supaya dapat membina ketahanan budaya yang tidak mudah diganggu-gugat.

“Keteguhan budaya dan sosial yang melambangkan cara hidup masyarakat Malaysia itu juga akan memupuk perpaduan rakyat,” katanya berucap melancarkan Minggu Penyiaran dan Penerangan serta logo baru Radio Televisyen Malaysia (RTM) di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mahu Jabatan Penerangan yang menjadi penyambung suara kerajaan di kawasan bandar dan pedalaman supaya berusaha mendapatkan maklum balas daripada rakyat mengenai semua dasar dan tindakan kerajaan.

Katanya pendapat rakyat sangat penting dalam semua perancangan kerajaan bagi memastikan ia memenuhi aspirasi masyarakat ramai.